



جائزہ کیلئے شریعتی کورسز اور فتویٰ

KETUA HAKIM SYARIE

No. 3, Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang

Tel: 04-828 2727 / 827 8586 / 827 1875 ; Faks: 04-829 6427

Laman Web: <http://www.penang.gov.my/jabatan/Mah.Syariah/index.html>



Rujukan kami : JKS/PP/100/ 3-19 (59)

Tarikh : 13 September 2011

15 Syawal 1432 H

Yang Arif Hakim– Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Tuan Ketua Pendaftar / & Pendaftar
Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif / & Tuan / Puan,


**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BIL. 5 / 2011
GARIS PANDUAN PENDAFTARAN PLIDING**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim Syarie, Tuan-Tuan Hakim dan Pendaftar kepada keputusan Mesyuarat Hakim-Hakim Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang Bil.3/ 2011 pada 29 Jun 2011 telah memutuskan dan bersetuju bahawa perlunya ada garis panduan pendaftaran pliding di Mahkamah Syariah bagi menambahbaik sistem pendaftaran pliding yang sedia ada. Oleh yang demikian semua peguam syarie yang hendak memfailkan kes hendaklah mematuhi garis panduan yang dilampirkan di Lampiran A.

Arahan ini berkuatkuasa mulai 13 September 2011.

Sekian, terima kasih.

**“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”
“ SYARIAH ASAS KEADILAN”**


(DATU' HAJI YUSOF BIN MUSA)
Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Pulau Pinang



SIRIM



MALAYSIA
ISOMEC GUIDE 82:1996
Accreditation No :
QS 02121999 CB 01


NO. PENDAFTARAN: AR 3103

SYARIAH ASAS KEADILAN
(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab)

GARIS PANDUAN PENDAFTARAN PLIDING :

1. Setiap pliding yang difailkan oleh mana-mana firma guaman hendaklah menggunakan “coloured corner” yang dikokot (*stapled*) dipenjuru atas sebelah kiri pliding dan dicop dengan cop rasmi firma berkenaan .

Contoh :



2. Setiap pliding yang difailkan oleh firma berkenaan hendaklah disertakan bersama kepala surat (*letterhead*) rasmi firma berkenaan yang mengandungi segala butiran bagi tujuan pendaftaran.
3. Setiap kepala surat (*letterhead*) firma berkenaan hendaklah ditandatangani dengan menggunakan tandatangan penuh oleh peguam syarie yang bertindak bagi kes berkenaan (*counsel in charge*). Contoh:

